



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PUP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**20 JULAI 2022 (RABU)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**20 JULAI 2022 (RABU)**



Kamarul Zaman (dua dari kanan) melihat peralatan digunakan sindiket penyeludupan diesel di jeti berhampiran Sungai Tiram, Kota Tinggi, semalam.

(Foto Omar Ahmad/BH)

# Sindiket seludup diesel bersubsidi RM10.7j tumpas

**Polis Johor tahan 19 suspek, rampas kapal tangki di jeti Sungai Tiram**

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Kota Tinggi:** Polis Johor mematahkan sindiket penyeludupan diesel bersubsidi terbesar di negeri ini, susulan rampasan sebuah kapal tangki serta 122,000 liter diesel bernilai RM10.7 juta, di sebuah jeti di Sungai Tiram, di sini, Ahad lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat, berkata kejayaan itu hasil risikan dilakukan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi sebelum serbuan dilakukan kira-kira jam 1 pagi Ahad lalu.

Katanya, seramai 19 suspek membabitkan 11 lelaki tempatan dan lapan lelaki warga asing, berrusia antara 26 tahun dan 58 tahun turut ditahan di premis yang

dijadikan tempat transit penyeludupan diesel bersubsidi berhampiran jeti itu.

#### Modus operandi sindiket

“Menurusi siasatan, sindiket penyeludupan diesel bersubsidi ini dipersempai sudah beroperasi sejak sebulan lalu.

“Modus operandi sindiket ini adalah menjadikan lokasi sunyi dan jauh di pedalaman serta sukar dimasuki. Dalam kes ini, kawasan berhampiran sebuah jeti di Sungai Tiram dijadikan sebagai tempat transit penyeludupan minyak dari treler minyak ke kapal tangki sebelum dibawa ke perairan antarabangsa.

“Minyak diesel berkenaan dibeli pada harga subsidi RM2.15 setliter dan dijual pada harga RM3.50 di pasaran gelap antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di premis penyeludupan sindiket berkenaan di sebuah jeti berhampiran Sungai Tiram, semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Ketua Polis Johor, Datuk Khaw Kok Chin dan Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendant Hussin Zamora.

Kamarul Zaman berkata, polis kini sedang menyelari sumber

diesel yang cuba diseludup itu dan rangkaian pemasarannya di pasaran gelap.

“Namun, kita percaya ia bukan untuk pasaran tempatan kerana ia dibawa ke perairan antarabangsa sebelum dijual.

“Kita berharap supaya pengusaha stesen minyak tampil bekerjasama membantu siasatan bagi memastikan kegiatan penyeludupan diesel dapat dihapuskan,” katanya.

Kamarul Zaman berkata, polis turut merampas, sebuah sistem GPS kapal dan tujuh hos berserta peralatan enjin pendingin.

#### 6 suspek ada rekod kes dada

Selain itu, katanya, semakan rekod ku atas semua suspek mendapati, enam daripada suspek tempatan mempunyai rekod lampau kesalahan dadah, manakala lapan suspek warga asing tidak mempunyai sebarang dokumen pengenal diri yang sah.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961, yang memperturunkan denda maksimum RM1,00,000, penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya. Kes juga disiasat mengikut Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen 1959/63,” katanya.

Sindiket memindahkan minyak dari lori tangki ke kapal ketika bersauh

## Rampas diesel subsidi RM10.7 juta

Oleh MASTURAH SURADI

**KOTA TINGGI** – Kegiatan satu sindiket penyeludupan minyak diesel bersubsidi menjadikan kawasan tersorok sebagai markas operasi akhirnya terbongkar selepas diserbu pasukan Polis Johor di Jeti Sungai Tiram di sini, Ahad lalu.

Dalam serbuan yang dijalankan pada pukul 1 pagi itu, seramai 19 ahli sindiket turut diberkas ketika sibuk memindahkan minyak diesel dari lori tangki ke kapal tangki yang bersauh di jeti berkenaan.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, individu yang diberkas terdiri daripada 11 warga tempatan serta lapan warga asing berusia antara 26 hingga 58 tahun.

Menurutnya, sindiket itu baharu sahaja sebulan beroperasi dan menjadikan lokasi tersorok, berpagar serta dekat dengan laut atau sungai sebagai tempat transit penyeludupan minyak diesel bersubsidi sebelum dipindahkan ke peralihan antarabangsa.

"Dalam serbuan ini, pihak kita



**KAMARUL ZAMAN** (dua kanan) meninjau lokasi yang menjadi markas operasi sindiket penyeludupan minyak diesel di Jeti Sungai Tiram, Johor Bahru semalam.

berjaya merampas tiga buah lori tangki berisi 122,000 liter diesel, sebuah kapal tangki, hos pam minyak serta lain-lain peralatan.

"Nilai diesel yang dirampas adalah RM390,400 dan nilai rampasan keseluruhan termasuk kapal tangki adalah RM10.7 juta,"

katainya dalam sidang akhbar di Jeti Sungai Tiram di sini kelmarin.

Kamarul Zaman berkata, hasil



Dalam serbuan ini, pihak kita berjaya merampas tiga buah lori tangki berisi 122,000 liter diesel, sebuah kapal tangki, hos pam minyak serta lain-lain peralatan."

maklumat awal, minyak-minyak ini akan dibeli dari stesen-stesen minyak dari seluruh negara pada harga RM2.50 bagi satu liter dan dijual balik pada harga RM3.50 seliter.

Jelasnya, semakan rekod juga mendapat enam daripada suspek memiliki rekod menjahat lampau berkaitan dadah, manakala lapan lelaki asing tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Kesemua suspek kini ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen 1959/63.

HARI : RABU  
TARIKH : 20/07/2022  
M/SURAT : 3



# Sindiket seludup diesel terbesar tumpas

Polis Johor tahan 19 lelaki, jumlah rampasan bernilai lebih RM10.7 juta

Oleh NOR AZURA MD AMIN  
KOTA TINGGI

**P**olis Johor berjaya menumpaskan sindiket penyeludupan diesel bersubsidi terbesar di negeri ini susulan penahanan 19 lelaki di sebuah jeti di Sungai Tiram, di sini pada Ahad.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, dalam serbuan jam 1 pagi itu, sebanyak 122,000 liter diesel dirampas manakala sebuah kapal tangki, tiga buah tangki triler, tujuh hos minyak berserta enjin dan sistem GPS kapal disita melibatkan jumlah keseluruhan ber-

nilai lebih RM10.7 juta.

"Sindiket ini menjadikan lokasi berhampiran sebuah jeti di Sungai Tiram sebagai tempat transit penyeludupan minyak dari triler ke kapal tangki sebelum dibawa ke perairan antarabangsa.

"Minyak diesel itu dibeli pada harga subsidi RM2.15 setliter sebelum dijual pada harga RM3.50 di pasaran gelap antarabangsa. Polis percaya sindiket ini sudah beroperasi sejak sebulan lalu," katanya pada sidang akhbar di sebuah jeti di Sungai Tiram, di sini pada Selasa.

Menurut Kamarul Zaman, 19 suspek yang ditahan itu membabitkan 11 lelaki tempatan dan lapan lelaki warga asing berusia antara 26 hingga 58 tahun.

"Semakan rekod ke atas semua suspek mendapati enam daripada suspek tempatan mempunyai rekod lampau dan pernah dihukum bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, manakala lapan lelaki warga asing itu



Kamarul Zaman (depan, kanan) menunjukkan rampasan hos minyak di jeti Sungai Tiram, Kota Tinggi.

tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah dan tiada rekod lampau.

"Kes disiasat bawah Seksyen 21-Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Seksyen 61(c) Akta Imigresen 1959/1953," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kamarul Zaman berkata, sebuah pasukan khas ditubuhkan Polis Johor bagi membanteras penyelewengan diesel dan minyak masak bersubsidi. Menurutnya, pasukan khas

itu dianggotai pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di seluruh daerah, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

HARI : RABU  
TARIKH : 20/07/2022  
M/SURAT : 1



Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

Kota Tinggi

Polis Johor berjaya mematahkan sindiket penyeludupan diesel bersubsidi terbesar di negeri ini, susulan rampasan sebuah kapal tangki serta 122,000 liter diesel bernilai RM10.7 juta di sebuah jeti di Sungai Tiram, di sini, Ahad lalu.

Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, kejayaan itu hasil risikan dilakukan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi sebelum serbuan dilakukan kira-kira jam 1 pagi, Ahad lalu.

Katanya, seramai 19 suspek membabitkan 11 lelaki tempatan dan lapan lelaki warga asing berusia antara 26 hingga 58 tahun berjaya ditahan di premis yang dijadikan tempat transit penyeludupan diesel bersubsidi berhampiran jeti itu.

"Menerusi siasatan, sindiket penyeludupan diesel bersubsidi ini dipercaya sudah beroperasi sejak sebulan lalu.

"Modus operandi sindiket ini adalah menjadikan lokasi sunyi dan jauh di pedalaman serta sukar dimasuki dengan dalam kes ini berhampiran sebuah jeti di Sungai Tiram. Ia dijadikan sebagai tempat transit penyeludupan minyak dari treler minyak ke kapal tangki sebelum dibawa ke perairan antarabangsa.

122,000 LITER DIESEL RM10.7 JUTA DIRAMPAS

# Jeti jadi transit seludup minyak



KAMARUL Zaman (dua dari kanan) melihat proses pemindahan minyak diesel yang dilakukan sindiket penyeludupan sebelum dipindahkan ke dalam kapal vessel. - Gambar NSTP/OMAR AHMAD

"Minyak diesel berkenaan dibeli pada harga subsidi RM2.15 seliter sebelum ia dijual pada harga RM3.50 di pasaran gelap antarabangsa sebelum dijual."

Beliau berkata demikian pada sidang media di premis penyeludupan sindiket berkenaan di sebuah jeti berhampiran Sungai Tiram, semalam.

Kamarul Zaman berkata, polis kini sedang menyiasat sumber diesel yang cuba diseludup berkenaan dan rangkaian pemasarannya di

pasaran gelap.

"Namun kita percaya ia bukan untuk pasaran tempatan kerana ia dibawa ke perairan antarabangsa sebelum dijual."

"Kita berharap supaya pengusaha stesen minyak tampil bekerjasama membantu siasatan bagi memastikan kegiatan penyeludupan diesel dapat dihapuskan," katanya.

Selain kapal tangki dan 122,000 liter diesel yang berada di dalam tiga treler

yang tidak sempat dipindahkan, Kamarul Zaman berkata, polis turut merampas, sebuah sistem GPS kapal selain tujuh hos berserta peralatan enjin pendingin.

"Semakan rekod ke atas semua suspek mendapat enam daripada suspek tempatan mempunyai rekod lampau kesalan dadah manakala lapan suspek warga asing tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.



HARI : RABU  
TARIKH : 20/07/2022  
M/SURAT : 5



**TOOL OF CRIME ...** Johor Police Chief Datuk Kamarul Zaman Mamat (second from right) and his deputy Datuk Khaw Kok Chin (third from right) examining a pump used in the smuggling of diesel in Sungai Tiram, Johor Baru. — **BERNAMAPIX**

HARI : RABU  
TARIKH : 20/07/2022  
M/SURAT : 27

## Beg tangan wanita, kasut tiruan RM3.3 juta dirampas

**KOTA BHARU** - Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuantan merampas pelbagai jenama beg tangan wanita dan kasut tiruan bernilai RM3.3 juta di Bukit Bunga, Tanah Merah pada Ahad.

Rampasan pada jam 6 petang itu dilakukan hasil rondaan rutin menerusi Op Wawasan Kelantan di sempadan Malaysia-Thailand di negeri ini.

Pemangku Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun berkata, bertindak atas maklumat sepasukan anggota bertugas terjumpa dua buah lori dalam keadaan mencurigakan.

"Anggota Batalion 7 PGA mengekori kenderaan tersebut dan berjaya menahan dua lori di bahu jalan berdekatan Balai Polis Bukit Bunga.

"Pemeriksaan di bahagian belakang kenderaan tersebut telah menjumpai beberapa guni berwarna putih berisi pelbagai jenis beg tangan wanita bernilai RM119,400 dan kasut dipercayai tiruan pelbagai jenama RM3.27 juta," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.



MUHAMAD ZAKI

## PGA7 rampas beg tangan, kasut terpakai bernilai RM3.3 juta

**Tanah Merah:** Anggota Battalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) meraampas beg tangan dan kasut terpakai bernilai lebih RM3.3 juta dipercaya diseludup dari negara jiran pada kejadian di Bukit Bunga di sini, jam 6 petang Ahad lalu.

Pemangku Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun berkata, ketika kejadian, pihaknya sedang meronda lokasi berkenaan sebelum menemui dua lori dalam keadaan mencurigakan.

"Kami menahan dua pemandu lori berkenaan serta

memperkenalkan diri sebelum memeriksa kedua-dua kenderaan itu.

"Kami memtemui kasut dan beg tangan pelbagai jenama dalam longgokan guni di belakang lori. Kedua-dua suspek berusia 30 dan 31 tahun ditahan manakala barang dan lori dibawa ke Balai Polis Rantau Panjang untuk si-satuan lanjut," katanya pada kenyataan, semalam.

Muhamad Zaki berkata, semua barang rampasan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNDHEP).



BEG tangan dan kasut terpakai yang dirampas PGA7 di Bukit Bunga.

# Kerajaan kaji opsyen elak minyak masak peket subsidi diseleweng

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
dan Suzalina Halid  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi sedang memperincikan beberapa opsyen bagi menambah baik sistem pembekalan minyak peket ber-

subsidi, sekali gus mengekang penyelewengan barang keperluan asas itu.

Mengakui banyak kelemahan dalam sistem sedia ada, Pengurusnya, Tan Sri Annur Musa, berkata ini menyebabkan kerajaan berdepan kesulitan untuk mengawal penjualannya, terma-

suk digunakan untuk tujuan komersial, dijual semula pada harga tanpa subsidi dan lebih buruk lagi minyak diseludup ke negara jiran.

"Semalam (kelmarin), pasukan khas mendengar pembentangan mengenai satu sistem aplikasi bagi membuat pengesahan

ke mana ia pergi dari kilang bagi mengesan kebocoran. Kita putuskan supaya kajian susulan terhadap cadangan ini diteruskan," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Pada 22 Jun lalu, kerajaan mengumumkan subsidi minyak masak berpeket dikekalkan de-

ngan peruntukan RM4 bilion sepanjang tahun ini dan pada masa sama, memansuhkan subsidi bagi minyak masak berbotol bagi 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg, yang diberikan secara sementara bermula Ogos tahun lalu.

Nasional 3

# Teliti syor syarikat koperasi diutama jual barang bersubsidi

Dari Muka 1

Harga minyak masak paket bersubsidi yang rendah, iaitu RM2.50 sebotol menyebabkan ia menjadi pilihan peniaga makanan, malah ada pihak yang mengambil kesempatan menyeludup dan menjual barang keperluan asas itu ke negara jiran, termasuk di selatan Thailand.

Media sebelum ini melaporkan, harga minyak masak itu dijual RM6.80 hingga RM7 se-paket di Golok, Thailand, sedikit mahal berbanding RM5.80 hingga RM6 sebelumnya.

Malah menerusi tinjauan *BH*, penduduk di pekan sempadan itu mendakwa hampir setiap rumah di pekan itu boleh dikatakan mempunyai bekalan minyak bersubsidi Malaysia memandangkan harganya jauh lebih murah berbanding minyak masak negara itu.

Mengulas lanjut, Annuar berkata, pasukan khas itu turut menerima cadangan daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) supaya syarikat koperasi diberi keutamaan untuk penjualan barang bersubsidi supaya sampai kepada kumpulan sar-

"Pelbagai cadangan kita terima dan jawatankuasa sedang menelitiinya satu persatu. Apa yang pasti, sistem sedia ada mempunyai banyak kelemahan dan terlalu mudah untuk dilewangkan," katanya.

Katanya, banyak pandangan diberikan mengenai siapa yang layak membeli minyak masak

bersubsidi, namun kerajaan tidak menetapkan pembeliannya berdasarkan kategori pendapatan isi rumah.

"Minyak peket itu seperti yang ditulis pada bungkusannya dan diputuskan secara dasar adalah untuk kegunaan domestik, bukan mengikut kategori pendapatan kerana minyak masak ini diperlukan semua di rumah, sama ada T20, M40 dan B40.

"Soal (kelayakan mendapat) subsidi minyak masak ini bukan semata-mata (berdasarkan) pendapatan, tapi kita beraskan ia satu keperluan yang sangat asas di semua rumah dan ia menyumbang kepada kos sara hidup setiap keluarga.

"Minyak masak ini boleh dibeli sesiapa sahaja, asalkan untuk kegunaan di rumah tapi masalahnya mereka membeli tapi bukan untuk kegunaan domestik," katanya.

Jemaah Menteri pada 29 Jun lalu bersetuju menujuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang berperanan mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai bagi merangka strategi serta mengkoordinasi tindakan menyelesaikan isu berkaitan inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pasukan khas berkenaan berfungsi seperti pasukan menguruskam pandemik COVID-19, dengan mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali seminggu iaitu pada Isnin dan Khamis.

# Konsisten gempur pihak seleweng minyak masak peket

Zatital Abiddin  
Osman,  
Pesara kerajaan

**Anggaran** penggunaan minyak masak dalam tempoh sebulan di Malaysia adalah sebanyak 55,000 tan sahaja. Justeru, apabila kerajaan mengumumkan pemberian subsidi harga minyak masak peket satu kilogram bermula 1 Julai 2022 lalu, ia menokok menjadikannya 60,000 tan sebulan.

Dalam kiraan yang mudah, terdapat lebihan 5,000 tan metrik. Namun, sejak pengumuman subsidi itu dibuat, timbul isu kesukaran mendapat bekalan di pasaran.

Ke manakah menghilangnya lebihan 5,000 tan sedangkan ia dikhususkan kepada untuk golongan rakyat berpendapatan rendah atau B40?

Berdasarkan laporan pelbagai pihak, kita dimaklumkan mengenai berlaku ketirisan bekalan minyak masak di pasaran. Ia bermaksud bekalan itu berkurang berkemungkinan disebabkan faktor ia disorok, diseludup keluar negara atau perbuatan sabotaj misalnya minyak peket dibotolkan dan dijual pada harga biasa.

Semua faktor ini menjurus kepada perbuatan tidak jujur pihak tertentu yang inginkan keuntungan segera tanpa memikirkan kesannya terhadap orang lain, terutama golongan yang disasar.

Hal itu lebih jelas dengan laporan media mengenai pendedahan oleh Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka mengenai perbuatan khianat penipuan berat kandungan minyak peket oleh sebuah syarikat pembungkus minyak masak

di Batu Berendam, Melaka.

## Bukan tugas mudah

Jika selama ini KPDNHEP fokus kepada perbuatan sorok dan seludup, kini mereka perlu memantau pula perbuatan khianat pihak ketiga. Menangani semua faktor ketirisan itu, terutama penyeludupan ke luar negara bukanlah satu tugas mudah. Hal ini kerana sempadan negara yang hendaik dikawal amat panjang merentasi kawasan pantai dan darat.

Begitu juga dengan tindakan menggempur kilang pembungkusan minyak masak berpeket, pengauditan dan pemutihan di premis pemborongan dan peruncitan juga mencabar. Bilangannya bukan sedikit dan tentu sukar melaksanakannya secara konsisten dan komprehensif.

Justeru, bagi menangani semua isu dan masalah ketirisan minyak masak peket bersubsidi, KPDNHEP setiap negeri hendaklah bertindak secara bersepadan dan serentak melakukan operasi pemutihan dan pengauditan. Gerakan bersepadan dan menyeluruh ini perlu kerjasama dan sokongan pihak Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Pasukan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia serta Kastam Diraja Malaysia.

Kita sebagai ahli masyarakat juga perlu berperanan menjadi mata dan telinga kerajaan serta segera bertindak membuat aduan sekiranya mempunyai maklumat penyelewengan, penipuan juga penyeludupan keluar minyak masak peket satu kilogram bersubsidi.

HARI : RABU  
TARIKH : 20/07/2022  
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan	
Ayam	<b>RM8.29</b>
Daging Lembu Tempatan	<b>RM36</b>
Daging Lembu Import	<b>RM55.90</b>
Telur Gred A	<b>RM13.05</b>
Ikan Kembung	<b>RM14.80</b>
Minyak Masak	<b>RM6.55</b>
Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
Bawang Besar Holland	<b>RM2.50</b>
Bawang Putih	<b>RMS</b>
Cili Merah	<b>RM12.90</b>
Kubis Bulat Tempatan	<b>RMS</b>
Tepung Gandum	<b>RM2.60</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP